

'Kami tak berani tinggalkan rumah' - Penduduk

SELAYANG 30 Sept. - Jika hujan dikatakan membawa rahmat, lain pula ceritanya kepada penduduk empat buah kampung di Batu Caves di sini yang bimbang banjir akan melanda sekiranya hujan semakin lebat.

Mana tidaknya, setiap kali hujan lebat luar biasa melanda Kampung Laksamana, Kampung Nakhoda, Kampung Sungai Tua dan Kampung Sungai Kertas, kejadian banjir kilat hampir pasti akan berlaku.

Seorang penduduk, **Sukardi Katiman**, 61, berkata, penduduk kini bimbang untuk meninggalkan rumah masing-masing sekiranya cuaca



**SUKARDI
KATIMAN**

ca menunjukkan tanda-tanda akan hujan.

"Kalau keluar pun atas urusan penting dan tidak terlalu lama kerana bukan sekali kami dilanda ban-



K. BAMAH



CHIN BE YONG

rumah yang dipenuhi lumpur selain bau yang amat menyeksakan," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sukardi berharap, kerajaan Pu-

jir tetapi sudah berkali-kali sehingga kerugian tidak kurang daripada RM10,000 setiap kali banjir.

"Kami juga terpaksa mengambil masa yang lama untuk membersihkan

sat, kerajaan negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dapat mengatasi segera masalah itu.

"Kami sudah tidak tahu ke mana untuk merayu, aduan pun sudah jemu untuk dilakukan kerana tiada tindakan proaktif diambil," ujar-nya.

Seorang lagi penduduk, **K. Bama**, 48, berkata, dia sekeluarga tidak mengharapkan apa-apa selain sebatang jambatan berdekatan kampung mereka yang dikatakan menjadi punca banjir kilat itu dinaik taraf segera.

"Saya kini sangat susah hati ke-

rana salah seorang anak akan berkahwin pada Disember depan, saya takut majlis tersebut akan tergendala sekiranya banjir melanda lagi rumah kami," katanya.

Sementara itu, **Chin Be Yong**, 43, berkata, mereka terpaksa membeli perkakas rumah yang baharu setiap kali banjir melanda kerana peralatan sedia ada tidak sempat diselamatkan.

"Barang-barang penting termasuk dokumen memang tidak sempat diambil kerana air naik terlalu cepat dan saya juga perlu menjaga ibu yang berusia 78 tahun kerana tidak begitu sihat," katanya.